

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]

TARIKH : 10.3.2015

SOALAN :

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan dan senarai Universiti Awam dan Swasta yang masih menawarkan Kursus Kejururawatan memandangkan masih ramai lulusan Kejururawatan yang tidak mendapat pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat sehingga 31 Oktober 2014, sebanyak sembilan (9) buah Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) yang masih menawarkan kursus Kejururawatan dari peringkat Matrikulasi, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Diploma Lepasan Ijazah, Sarjana sehingga Doktor Falsafah (PhD). IPTA tersebut adalah Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Sehingga Disember 2014 pula, bilangan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang menawarkan kursus Kejururawatan adalah sebanyak 57 buah IPTS iaitu 36 buah kolej, 9 buah kolej universiti dan 12 buah universiti.

Mulai 1 Julai 2010 Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan moratorium (pembekuan) bagi penawaran kursus kejururawatan peringkat Diploma bagi suatu tempoh untuk memastikan keperluan penawaran dan kehendak industri serta kebolehpasaran graduan adalah seimbang. Arahan moratorium ini telah menghentikan kelulusan penubuhan institusi baru dalam bidang kejururawatan dan program baharu Diploma Kejururawatan di IPTS. Keputusan moratorium ini adalah langkah terbaik untuk memberi IPTS ruang dan masa yang mencukupi untuk menghasilkan graduan kejururawatan yang berpengalaman dan berkualiti.

RJM07